

15/12/1997

MT bincang peletakan jawatan Ghapur

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Tertinggi Umno akan membincangkan keputusan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh, meletakkan semua jawatan dalam Kabinet negeri dan parti.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata MT Umno perlu membincangkan perkara itu terlebih dulu sebelum mengambil keputusan selanjutnya, termasuk menamakan penggantinya.

"Dia (Ghapur) beri alasan sebab peribadi. Kita akan bincang dengan pucuk pimpinan terlebih dulu, termasuk dengan Perdana Menteri bagi mengetahui kedudukan sebenar.

"Hanya selepas itu, baru kita tentukan tindakan selanjutnya," katanya yang juga Timbalan Presiden Umno kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma) 1997 di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Ghapur yang juga Menteri Kewangan Sabah, mengumumkan keputusan mengejut itu di ibu pejabat Umno Bahagian Tawau, semalam. Peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan negeri akan berkuatkuasa 18 Disember ini.

Beliau yang dilantik menganggotai Kabinet Sabah selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada Mac 1994, turut melepaskan jawatannya sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, mulai semalam.

Ghapur adalah Timbalan Ketua Menteri yang dilantik pada 1995 mewakili Bumiputera Islam. Dua lagi Timbalan Ketua Menteri ialah Datuk Joseph Kurup yang mewakili Bumiputera bukan Islam dan Datuk Tham Nyip Shen mewakili kaum Cina.

Ketika memaklumkan peletakan jawatannya, Ghapur memberi alasan 'soal peribadi' sebagai faktor utama beliau mengambil keputusan itu.

Bagaimanapun, beliau memohon maaf kerana tidak memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terlebih dulu mengenai keputusannya.

Sementara itu, di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Panglima Osu Sukam, menyerahkan kepada Dr Mahathir selaku Presiden Umno untuk menentukan pengganti Ghapur dalam Kabinet negeri dan parti.

"Saya akan memaklumkan kepada Perdana Menteri (soal peletakan jawatan Ghapur) dan kita akan membuat keputusan kemudian," katanya ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan Ghapur di Likas, pagi ini.

Juga di KOTA KINABALU, Ghapur mengulangi keputusannya adalah muktamad dan tiada siapa boleh mengubahnya.

Ketika ditemui pemberita di kediamannya di Likas pagi ini, beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pelbagai aspek dan memandang jauh ke hadapan.

"Semua jawatan secara lantikan saya lepaskan," katanya.

Beliau meletakkan semua jawatan lantikan dalam Kabinet negeri dan parti untuk mengelak pelbagai andaian dan spekulasi.

Katanya, jika melepaskan jawatan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah saja, tetapi mengekalkan jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan, orang akan menuduhnya mahukan jawatan tinggi.

"Kalau saya meletakkan satu jawatan saja (dalam parti), orang akan cakap... memanglah ini jawatan tidak ada gaji," katanya.

Beliau mengulangi keputusan itu diambil kerana masalah peribadi dan

beranggapan beliau gagal menjalankan tugas diamanahkan.  
(END)